



ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S
(AIJBES)
www.aijbess.com



**CABARAN DAN PERANCANGAN KEWANGAN BAGI
MENCAPAI KESEJAHTERAAN HIDUP IBU TUNGGAL DI
TERENGGGANU**

*CHALLENGES AND FINANCIAL PLANNING TO ACHIEVE WELL-BEING LIVES
OF SINGLE MOTHERS IN TERENGGGANU*

Sharifah Shahida Syed Muhsin^{1*}, Lukman Z.M.², Azlini, C³

- ¹ Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa), Malaysia
Email: sharifahshahida39@gmail.com
- ² Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa), Malaysia
Email: lukmanzm@unisza.edu.my
- ³ Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa), Malaysia
Email: azlinichik@unisza.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.01.2025
Revised date: 12.02.2025
Accepted date: 20.03.2025
Published date: 30.03.2025

To cite this document:

Muhsin, S. S. S., & Lukman, Z. M., & Azlini, C. (2025). Cabaran Dan Perancangan Kewangan Bagi Mencapai Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal Di Terengganu. *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 7 (23), 169-183.

DOI: 10.35631/AIJBES.723014

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini bertujuan menganalisis cabaran hidup yang dialami ibu tunggal serta perancangan kewangan bagi mencapai kesejahteraan hidup ibu tunggal di Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Lokasi kajian melibatkan lapan daerah di negeri Terengganu. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 612 orang ibu tunggal iaitu seramai 468 orang bercerai hidup dan seramai 144 orang bercerai mati. Proses pengumpulan data diperoleh melalui tiga kaedah iaitu melalui tinjauan, atas talian (google form) dan panggilan telefon. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif korelasi yang melibatkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan skor. Hasil kajian menunjukkan seramai 515 orang dengan nilai peratusan sebanyak 84.1% menghadapi cabaran tidak mampu memiliki kenderaan ke tempat kerja, tidak mampu mengisi petrol (bagi yang memiliki kenderaan), dan tidak mampu membayar upah pengasuh anak yang masih kecil. Punca utama terjadinya cabaran kewangan adalah tiada gaji atau sumber pendapatan dengan jumlah seramai 505 orang dengan nilai peratusan 82.5%. Hasil kajian juga mendapati seramai 469 orang ibu tunggal (76.6%) telah membuat keputusan menetapkan matlamat kewangan yang lebih spesifik untuk kesejahteraan pada masa hadapan. Kesimpulannya, kehidupan sebagai ibu tunggal didapati sangat mencabar. Oleh itu ibu tunggal harus segera bertindak untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Implikasi kajian ini dapat menunjukkan daripada aspek perlaksanaan program-program latihan dan bantuan daripada agensi-agensi

terlibat yang menjurus kepada minat dan peluang untuk menjana pendapatan dalam kalangan ibu tunggal.

Kata Kunci:

Cabaran, Ibu Tunggal, Kesejahteraan, Perancangan Kewangan, Terengganu.

Abstract:

This article aims to analyze the life challenges experienced by single mothers as well as financial planning to achieve the well-being of single mothers in Terengganu. This study uses a quantitative approach. The study location involves eight districts in the state of Terengganu. The number of respondents involved in this study is a total of 612 single mothers, which is a total of 468 divorced people alive and a total of 144 divorced people dead. The data collection process is obtained through three methods, namely through surveys, online (google form) and phone calls. This study uses descriptive correlation analysis involving frequency, percentage, mean, standard deviation and score. The results of the study show that a total of 515 people with a percentage value of 84.1% face the challenge of not being able to own a vehicle to work, not being able to fill up with petrol (for those who own a vehicle), and not being able to pay the wages of babysitters who are still small. The main cause of financial challenges is no salary or source of income with a total of 505 people with a percentage value of 82.5%. The results of the study also found that a total of 469 single mothers (76.6%) have decided to set more specific financial goals for future well-being. In conclusion, life as a single mother is found to be very challenging. Therefore, single mothers should immediately act to improve the well-being of life. The implications of this study can be shown from the aspect of the implementation of training programs and assistance from the agencies involved that lead to interest and opportunities to generate income among single mothers.

Keywords:

Challenges, Single Mothers, Wellbeing, Financial Planning, Terengganu.

Pengenalan

Penceraian hidup atau kematian suami telah menyebabkan perubahan hidup secara menyeluruh kepada insan bergelar isteri kerana mereka terpaksa mengambil alih sepenuhnya tugas sebagai seorang ketua keluarga. Gelaran sebagai ibu tunggal memberi tekanan besar kerana mereka akan berdepan dengan pelbagai cabaran iaitu pengurusan diri sendiri, anak-anak yang masih di bawah tanggungjawab ibu bapa, ahli keluarga yang lain, serta penerimaan masyarakat setempat. Namun, dalam kajian ini pengkaji akan menfokuskan kepada cabaran yang paling utama dihadapi oleh ibu tunggal iaitu cabaran kewangan. Setelah menjadi ibu tunggal, masalah utama yang dihadapi adalah kehilangan pendapatan atau sebahagian daripada pendapatan yang sebelum ini diberikan oleh suami (Isahak et al. 2009). Cabaran kewangan adalah antara faktor yang menyumbang kepada keresahan atau ketidakseimbangan dalam kalangan ibu tunggal (Crosier et al. 2007). Sebagai pencari nafkah tunggal dalam keluarga, mereka terdedah kepada tekanan kewangan secara berterusan kerana tidak mendapat sokongan kewangan daripada pasangan (Siti Rafiah et al. 2013). Berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), jumlah ibu tunggal pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan

sebanyak 80.6% daripada jumlah asal ibu tunggal pada tahun 2010 (Zakaria et al. 2019). Laporan statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 menunjukkan kebimbangan apabila jumlah kumpulan sasaran ini terus meningkat kepada angka satu juta di negara ini (Adnan, 2022). Berdasarkan statistik yang direkodkan kerajaan Terengganu, populasi ibu tunggal di Terengganu meningkat hampir 10,000 orang dalam tempoh tiga tahun menjadikan keseluruhan golongan itu direkodkan seramai 43,471 orang pada tahun 2020. Statistik terbaharu itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding jumlah yang direkodkan seramai 35,000 orang pada tahun 2018.

Ketiadaan bapa dalam sistem kekeluargaan mampu mempengaruhi peranan ketua keluarga untuk mengurus dan membimbing sistem keluarga terutamanya terhadap kesejahteraan anak (Jusoh & Latada, 2019). Isu yang sering kali dikaitkan dengan sebahagian besar ibu tunggal adalah kesempitan hidup yang dialami apabila terpaksa menjadi Ketua Isi Rumah (KIR) yang perlu memenuhi keperluan ahli keluarga lebih-lebih lagi ibu tunggal yang mempunyai anak di bawah tanggungan. Oleh sebab itu, kesan daripada penceraian atau ketiadaan suami dalam sesebuah rumah tangga secara umumnya menjadikan wanita lebih miskin berbanding dengan kelompok populasi yang lain. Hal ini disebabkan oleh ibu tunggal yang berpendapatan rendah dan menghadapi kekangan dari sudut penjagaan anak tidak berupaya memperbaiki dan mempertingkatkan pendapatan untuk menyara keluarga sehingga menyebabkan mereka tergolong dalam kemiskinan (Mohd Fazli, 2020). Kehilangan suami yang pernah menjadi tempat bergantung sebelum ini memaksa golongan ibu tunggal untuk menggalas peranan yang lebih besar (Siti Rafiah & Sakinah, 2013). Zaini (2014) turut mengatakan bahawa peranan mereka tidak hanya tertumpu kepada pengurusan keluarga, malah perlu memfokuskan kepada kestabilan ekonomi negara serta memantau tumbesaran anak-anak baik dari segi fizikal, pendidikan dan kegiatan anak-anak. Dengan adanya sesi kaunseling yang disediakan oleh pihak berwajib, secara tidak langsung golongan ini terdorong dan disokong untuk menjadi individu yang lebih berkualiti (Rousou et al. 2013).

Sorotan Kajian

Tidak dapat dinafikan ibu tunggal kematian suami atau diceraikan oleh suami akan menghadapi banyak cabaran. Antara cabaran yang dilalui adalah dalam bentuk kewangan, pekerjaan, pengurusan anak, tekanan emosi, stigma masyarakat, kesihatan, kesunyian, dan kes mahkamah. Antara isu yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah cabaran kewangan melibatkan diri sendiri, anak-anak, hutang, dan lain-lain. Selain daripada diri sendiri, ibu tunggal mengalami kerisauan apabila memikirkan sumber pendapatan untuk menyara anak-anak yang masih kecil, hutang yang ditinggal oleh bekas suami, bil utiliti, dan sebagainya. Kupasan isu ini sangat penting supaya pihak berwajib dapat mengetahui cabaran yang dilalui dan keperluan yang diperlukan oleh ibu tunggal untuk memulakan episod baharu dalam kehidupan mereka serta dapat memberi penyelesaian kepada isu ini agar ibu tunggal dapat menjalani hidup dengan sejahtera walaupun ketiadaan suami disisi.

Cabaran Kewangan

Setelah bergelar ibu tunggal, banyak cabaran kewangan yang terpaksa dihadapi oleh ibu tunggal. Menurut kajian yang dibuat oleh Husin (2005), kehilangan punca mata pencarian keluarga adalah faktor utama ibu tunggal terjebak dalam kemiskinan. Desakan kos sara hidup yang semakin meningkat menjadi punca kepada kesulitan yang dihadapi. Golongan ibu tunggal sebelum ini merupakan suri rumah sepenuh masa lebih terkesan kerana mereka bergantung hidup sepenuhnya kepada pasangan mereka ketika masih hidup. Yusoff (2016), kebanyakan

golongan ibu tunggal mengalami kesukaran menjaga ahli lain dalam keluarga dan membesarkan anak kerana mereka sudah hilang sebahagian besar pendapatan yang sebelum ini diberikan oleh suami. Mereka mengalami masalah kewangan yang serius kerana pendapatan yang diperolehi setiap bulan masih tidak mampu menampung keperluan hidup mereka sekeluarga. Tekanan utama yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal adalah berkaitan dengan kewangan seperti gaji yang tidak mencukupi, hutang yang banyak serta polisi ekonomi (Hashim et al. 2015). Peranan golongan ibu tunggal sebagai pencari nafkah tunggal dalam menyediakan keperluan asas keluarga merupakan isu yang kritikal pada masa ini kerana mereka berdepan dengan kesukaran dari segi kos sara hidup yang semakin meningkat (Ibrahim & Ghani, 2018). Hasil kajian (Siti Marziah et al. 2019), mendapati antara cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah ketidakstabilan ekonomi, urusan mahkamah, nafkah anak, hubungan antara bekas suami dan anak-anak, masalah kesihatan, cabaran membesarkan anak-anak, dan stigma Masyarakat sehingga menggugat kesejahteraan hidup mereka. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menggariskan beberapa masalah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal (Zakaria et al. 2018). Antaranya adalah tidak mendapat hak yang sewajarnya, kurang kekuatan dan keyakinan diri untuk berdikari kurang sokongan daripada keluarga dan masyarakat, kurang kemahiran keibubapaan untuk mendidik dan mengasuh anak, serta kewujudan jurang pengetahuan untuk berurusan dengan pihak berkuasa terutamanya hal-hal tuntutan nafkah dan bantuan kebajikan. Perkara tersebut turut menunjukkan golongan ibu tunggal tidak dapat menikmati hak asasi manusia yang sepenuhnya dalam kehidupan mereka yang merangkumi aspek pekerjaan, perumahan, pendidikan dan kesihatan (Idris, 2018).

Seseorang ibu tunggal mengalami kesukaran untuk memperoleh kewangan yang mencukupi bagi menanggung perbelanjaan dan penjagaan anak-anak, serta diri mereka sendiri (Broussard, 2010). Hal ini terjadi kerana mereka menggalas bebanan besar dengan mengetuai sesebuah isi rumah, terutama golongan ibu tunggal yang secara relatifnya berpendapatan rendah dan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Seperti yang dibincangkan, kesejahteraan dan kestabilan kewangan dipengaruhi oleh jumlah tanggungan isi rumah sehingga boleh terjadinya keluarga miskin (Al Mamun & Adaikalam, 2011). Terdapat dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja tetapi tidak mampu menghantar anak ke pusat asuhan kanak-kanak, ada pula yang perlu menjaga ahli keluarga yang tidak sihat, malah bertambah malang sekiranya mereka sendiri yang tidak sihat. Mereka mendidik dan membesarkan anak-anak secara bersendirian. Ibu tunggal berasa terbeban kerana perlu memainkan pelbagai peranan dalam kehidupan mereka iaitu sebagai bapa dan ibu dalam satu masa terhadap anak mereka. Bebanan berat menguruskan segala perkara di rumah dan di tempat kerja terpaksa ditanggung oleh ibu tunggal seorang diri. Lebih menyedihkan lagi, ada antara ibu tunggal yang memikul tanggungjawab lebih berat apabila perlu menjaga ahli keluarga lain yang tidak sihat seperti nenek yang uzur serta anak yang mempunyai masalah kesihatan sejak dilahirkan. Kos sara hidup yang tinggi memaksa golongan ibu ini bekerja keras untuk menyara hidup mereka bersama dengan anak-anak. (Irene & Masarah, 2024).

Cabaran besar yang terpaksa ditanggung oleh ibu tunggal adalah tempat tinggal. Sebelum bercerai, suami telah menyediakan tempat tinggal termasuk dengan sewa rumah. Namun, selepas bergelar ibu tunggal, mereka tidak mampu untuk membayar sewa rumah kerana selama ini, bekas suami yang membayarnya (Siti Marziah et al. 2019). Lebih teruk lagi, setelah berlakunya perceraian, ibu tunggal mengalami masalah untuk mencari tempat tinggal baharu yang mana untuk mendapatkan rumah sewa memerlukan kos yang agak tinggi sebagai deposit

untuk menyewa rumah tersebut. Ketiadaan tempat kediaman telah menyebabkan tahap tekanan yang lebih tinggi sehingga ibu tunggal mengalami kemurungan (Kim et al. 2020). Gaya hidup yang telah berubah selepas penceraian berlaku memberikan kesan kepada kesenangan hidup yang mungkin pernah dikecapi semasa bersama suami suatu ketika dahulu di mana ibu tunggal terpaksa bekerja selepas bercerai. Dalam usaha untuk mendapatkan pekerjaan, ibu tunggal mengalami masalah pengangkutan dan tempat tinggal. Kesukaran yang dialami ini telah memaksa ibu tunggal untuk tidur di tempat kerja. Ibu tunggal yang dahulunya memiliki kereta dan motorsikal atas nama suami, kini tidak memiliki apa-apa lagi. Keadaan ini sangat menguji ibu tunggal kerana perlu berulang alik ke tempat kerja dengan menumpang kenderaan rakan atau jiran (Siti Marziah et al. 2019). Mereka tidak mempunyai kenderaan untuk ulang alik ke tempat kerja. Memiliki kenderaan untuk bergerak kemana-mana merupakan suatu yang penting dan boleh dianggap sebagai keperluan pada masa ini. Namun, terdapat ibu tunggal terpaksa bergantung kepada orang lain menyebabkan pergerakannya terbatas (Azlina, 2020).

Setelah mendapat pekerjaan, mereka menghadapi cabaran baharu seperti pendapatan yang tidak mencukupi untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan kanak-kanak kerana kos pengasuh yang mahal (Broussard et al. 2012). Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM, 2012) telah mengesan sebahagian ibu tunggal menghadapi masalah kewangan dari segi pembayaran yuran. Sebagai contoh, mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menempatkan anak mereka di pusat jagaan kanak-kanak disebabkan kos bayaran yuran yang tinggi (Idris, 2018). Terdapat ibu tunggal terpaksa membuat keputusan untuk meninggalkan anak mereka kepada ibu mereka iaitu nenek kepada anak mereka. Keadaan ini akan lebih memburukkan lagi keadaan kerana nenek tidak ikhlas untuk menjaga cucunya sehingga menyebabkan trauma kepada anak tersebut (Tumani, 2022). Selain kos pengasuh yang tinggi, ibu tunggal juga tidak berkemampuan untuk membayar kos pengangkutan ulang alik ke tempat kerja (Siti Marziah et al. 2019.) Selain itu, pendapatan rendah menyebabkan, ibu tunggal tidak dapat membuat tabungan dan seringkali kehabisan wang pendapatan (Mohd & Noor, 2011).

Ibu tunggal menunjukkan secara konsisten untuk mengalami masalah kewangan berbanding dengan populasi umum (Broussard et al. 2012). Hal ini kerana ibu tunggal mengalami masalah pengaliran tunai iaitu pengaliran wang masuk kurang berbanding dengan pengeluaran wang keluar. Ibu tunggal tidak berkemampuan untuk membeli dan menyiapkan kelengkapan keperluan asas untuk diri mereka sendiri seperti keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal dan membayar bil utiliti. Rata-rata ibu tunggal menghadapi masalah dan kekangan wang perbelanjaan untuk membeli keperluan asas seperti makanan harian, lampin anak, susu, beras, dan sebagainya (Siti Marziah et al. 2019) kerana aliran tunai yang tidak seimbang iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan memandangkan jumlah pendapatan yang diperoleh terlalu sedikit jika dibandingkan dengan keperluan perbelanjaan yang lebih banyak.

Dapatan kajian Azlina (2020) menunjukkan kebanyakan ibu tunggal tidak dapat memberikan sepenuh perhatian kepada anak-anak sehingga menyebabkan berlakunya masalah dalam institusi keluarga. Lebih malang lagi, akibat daripada kesempitan hidup telah menyebabkan anak-anak mereka yang masih kanak-kanak dan remaja terjebak dengan salah laku juvana (Sharifah Shahida, 2017). Selain itu, isu pengabaian dari sudut keperluan pembelajaran turut berlaku kerana ibu tunggal tidak mampu untuk membayar yuran persekolahan anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak tertekan untuk ke sekolah kerana sering dipanggil oleh cikgu. Perbelanjaan untuk persekolahan anak-anak memerlukan kos yang sangat besar.

Bermula dengan peralatan persekolahan seperti alat tulis, buku, uniform sekolah, baju sukan, sehinggalah yuran sekolah menyebabkan ibu tunggal terpaksa berhutang yuran persekolahan dengan pihak sekolah. Kebanyakan ibu tunggal tidak mampu untuk mempunyai sebarang insurans perlindungan untuk diri sendiri dan anak-anak. Kos sara hidup yang tinggi memaksa golongan ibu tunggal bekerja keras untuk menyara hidup mereka bersama dengan anak-anak (Irene & Masarah, 2024). Kesusahan dan kegelisahan yang dialami oleh ibu tunggal dikaitkan dengan tanggungjawab keibubapaan dan kesulitan kewangan (Rebecca et al. 2017) ditambah pula dengan mereka tidak mempunyai simpanan.

Punca Cabaran Kewangan Yang Dihadapi

Kajian menunjukkan punca berlakunya cabaran kewangan adalah kesukaran yang dihadapi oleh ibu tunggal yang tinggal di lokasi luar bandar lebih sukar berbanding lokasi di bandar untuk mencari peluang pekerjaan (Simmons et al. 2007) kerana peluang pekerjaan di luar bandar sangat terhad jika dibandingkan di bandar. Selain itu, ibu tunggal yang tinggal di luar bandar mempunyai masalah kurang pendapatan (Siti & Sakinah, 2013) tidak mendapat sokongan sosial yang berterusan dan bantuan kebajikan yang khusus kerana sebahagian daripada mereka tidak mendapat maklumat dan bantuan daripada pihak terbabit. Mereka seolah-olah tercicir daripada menerima bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan NGO. Sedangkan golongan ini sangat memerlukan bentuk bantuan yang khusus dalam menjana pendapatan dan ekonomi mereka.

Tahap pendidikan turut menjadi punca kepada cabaran kewangan ibu tunggal kerana tahap pendidikan tinggi membawa ibu tunggal kepada kehidupan yang lebih positif (Kim et al. 2020) sekaligus mempengaruhi pendapatan yang tinggi. Menurut Zaimah et al. (2012), tahap pendidikan mempunyai hubungan dengan perlakuan kewangan individu. Majoriti ibu tunggal sukar mendapat pekerjaan yang menawarkan gaji lebih tinggi kerana kebanyakan mereka hanya mempunyai tahap pendidikan yang rendah (Irene & Masarah, 2024). Justeru, ia menjadi kekangan untuk menyelesaikan isu kewangan yang dihadapi oleh mereka. Kebanyakan ibu tunggal mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan berkemahiran tanpa sijil (Diyana et al. 2012) melayakkan mereka mendapat pekerjaan asas sahaja seperti di sektor am dan perkilangan. Akibatnya, pendapatan ibu tunggal yang bekerja juga adalah rendah kerana upah yang diterima adalah kecil. Kekurangan pendapatan ini memberi masalah ekonomi kepada ibu tunggal.

Pekerjaan yang lebih profesional akan membawa kewangan ibu tunggal ke arah yang lebih sejahtera (Kim et al. 2020). Namun, didapati ibu tunggal mempunyai pendapatan yang jauh lebih rendah berbanding bapa tunggal (Hilton & Kopera-Frye 2006) sehingga menyebabkan ibu tunggal mengalami tekanan yang berkaitan dengan kesulitan kewangan dan keibubapaan pada tahap yang lebih besar. Perkara ini tidak dijangka kerana 90% adalah ibu dan bapa tunggal adalah wanita (Great Britain Office for National Statistics 2016). Oleh itu ibu tunggal berpendapatan rendah telah melakukan beberapa jenis pekerjaan untuk menambah pendapatan bulanan mereka (Suriati, 2002).

Jumlah pendapatan yang rendah tidak dapat menampung kos keperluan ibu tunggal lebih-lebih lagi ibu tunggal yang mempunyai anak sedang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Walaupun beberapa bantuan kewangan telah diterima, namun ia masih tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang tinggi pada masa sekarang (Irene & Masarah, 2024). Setiap hari ibu tunggal akan memikirkan sumber pendapatan yang akan mereka peroleh untuk

menyara dan meneruskan kelangsungan hidup mereka sekeluarga seperti rumah sewa kerana mereka tidak mempunyai wang simpanan untuk membayar pendahuluan sewa rumah (Nor Aini & Doris 2012). Dengan ini, ibu tunggal akan mengambil alih tugas dan tanggungjawab besar ini dan secara tidak langsung telah memberikan tekanan kepada ibu tunggal tersebut (Zakaria et al. 2020) kerana ibu tunggal yang sudah sedia mempunyai pendapatan tetap setiap bulan tidak menjadi masalah. Namun, sekiranya ibu tunggal tersebut baru sahaja hendak mencari dan memulakan pekerjaan, semua itu sangat sukar dan merupakan cabaran besar buat mereka.

Antara faktor yang menjadi kesukaran kepada ibu tunggal untuk merancang kewangan mereka adalah disebabkan oleh ibu tunggal berasal dari latar belakang berpendidikan rendah, tiada pengalaman bekerja serta tidak cakna akan saluran untuk mendapatkan bantuan kewangan serta bantuan-bantuan lain (Jusoh & Latada 2020). Keadaan menjadi lebih serius apabila seseorang ibu tunggal tidak mempunyai pengetahuan dan maklumat tentang bentuk-bentuk bantuan yang disediakan oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Pejabat Zakat bagi mengurangkan beban yang dihadapi (Noor Azizah & Nabisah, 2022). Selain itu, kesukaran yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah kurang cakna terhadap bantuan yang diperuntukkan, urusan mahkamah, dan ketidakstabilan ekonomi. Hal ini telah menyebabkan ibu tunggal mengalami tekanan emosi yang teruk. Cairney & Wade (2002) membuktikan kesan psikologi telah menyebabkan ibu tunggal mempunyai keyakinan diri, penghargaan sendiri, serta kesejahteraan psikologi yang rendah dan tahap kebimbangan yang lebih tinggi. Kesulitan hidup akibat tekanan kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal menyebabkan mereka mengalami tekanan mental (Siti Marziah et al. 2018). Tekanan semakin bertambah apabila dipandang hina oleh masyarakat (Siti Marziah et al. 2019).

Kaedah Kajian

Pemilihan lokasi kajian adalah negeri Terengganu melibatkan lapan daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Berang, Kuala Terengganu, Marang, Dungun, dan Kemaman. Daripada setiap daerah, ibu tunggal dipilih secara rawak mengikut kriteria yang telah ditetapkan iaitu ibu tunggal tinggal di bandar dan luar bandar di negeri Terengganu sahaja, berumur 18 tahun dan ke atas, ibu tunggal yang telah kematian suami atau bercerai hidup dan telah berdaftar sama ada dengan pihak kerajaan atau bukan kerajaan. Pengkaji telah menggunakan teknik pengedaran borang soal-selidik berstruktur dalam pengumpulan data kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Strategi tinjauan telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data daripada responden dengan meminta responden mengisikan borang soal selidik. Kaedah tinjauan telah dilakukan dengan tiga cara, iaitu dengan menghubungi responden melalui penggunaan telefon atau biasanya dikenali sebagai Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI). Kaedah ini memerlukan responden menjawab soalan yang dikemukakan melalui panggilan telefon tanpa perlu mengisi borang soal selidik. Keadaan ini tidak melibatkan sebarang interaksi antara pengkaji dengan responden kerana soalan-soalan ini telah diprogramkan dalam komputer. Kaedah ini dianggap mudah dan lebih ekonomikal berbanding kaedah lain (Mohd Awang, 2018).

Selain daripada melalui panggilan telefon, pengkaji telah menyediakan borang soal selidik kepada responden melalui aplikasi google form iaitu atas talian dan pengkaji turut pergi ke lapangan untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Strategi tinjauan digunakan kerana kajian tidak terikat dengan tempoh masa yang panjang selain dapat menjimatkan kos. Pengkaji telah mengambil masa selama satu bulan untuk melengkapkan kutipan data bagi kajian ini. Selain daripada pengkaji dapat menggunakan saiz sample yang besar, hasil yang

diperoleh dalam masa yang singkat dapat digeneralisasikan, dipercayai dan sah. Dalam pelaksanaan reka bentuk kajian, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian-kajian lepas dan mengalami perubahan untuk pengumpulan data. Borang soal selidik ini juga telah menjalani proses kesahan kesahihan daripada empat orang pemeriksa yang terdiri daripada pensyarah kerja sosial dari Universiti Sultan Zainal Abidin dan mencapai nilai *Content Validity Ratio* (CVR) 0.5 dan ke atas yang mana kesemua item dapat dikekalkan. Proses penyemakan item mengambil masa kira-kira tiga bulan sebelum diselesaikan dan berjaya dikekalkan sebelum melakukan kajian.

Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah panggilan telefon, atas talian, dan di lapangan (tinjauan). Dalam proses pengumpulan data di lapangan, pengkaji telah meneliti beberapa prosedur yang perlu dilakukan terlebih dahulu. Antaranya pengkaji mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian daripada badan bukan kerajaan (NGO) Muszleem Malaysia di Terengganu. Kebenaran ini perlu bagi memastikan kajian yang dijalankan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak Muszleem Malaysia. Dengan kebenaran yang diberikan oleh Muszleem Malaysia, pengkaji telah menyertai Program Pengagihan Kotak Infak yang berbentuk keperluan makanan kepada golongan fakir dan miskin, termasuk ibu tunggal. Pengkaji meminta responden mengisi borang soal selidik dan instrumen ini secara langsung tanpa gangguan daripada mana-mana pihak. Borang soal selidik ini dibaca dan diisi sendiri (self-administered) oleh responden kajian. Dalam kes-kes khas (seperti responden tidak boleh dan tidak lancar membaca), pengkaji membantu responden berkenaan membaca soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal-selidik tersebut. Set soal selidik ini mengambil masa 10 hingga 15 minit untuk dijawab oleh responden. Pengkaji mengutip/mengumpulkan semula borang tersebut setelah selesai dijawab oleh responden. Ada juga responden meminta pengkaji meninggalkannya selama beberapa hari sebelum pengkaji datang semula untuk mengambilnya.

Kaedah kedua adalah melalui pengisian Google Form. Kaedah dalam talian dapat menjimatkan masa dan kos selain dapat memberi keselesaan kepada ibu tunggal untuk menjawab borang soal selidik pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Pengkaji mengambil masa sebulan untuk mengumpul data daripada kaedah ini. Untuk pengisian melalui google form, pengkaji telah membuka talian bermula jam 6 pagi, bertarikh 1 Februari 2022 sehingga jam 6 pagi, 28 Februari 2022. Sepanjang tempoh tersebut pengkaji akan membuat pemantauan setiap 3 jam sekali bermula jam 6 pagi, 9 pagi, 12 tengah hari, 3 petang, 6 petang, dan 9 malam untuk mengetahui perkembangan pertambahan responden menjawab survei melalui aplikasi tersebut. Pengkaji mendapati purata seramai 8 orang sehari responden telah menjawab survei tersebut dan berjumlah seramai 240 orang responden untuk tempoh sebulan.

Kaedah ketiga adalah dengan membuat panggilan telefon disebabkan terdapat ibu tunggal tidak pandai menggunakan aplikasi atas talian selain daripada masalah rangkaian internet. Selain itu, pengkaji berkunjung ke rumah ibu tunggal untuk meminta ibu tunggal mengisi borang soal selidik. Seterusnya, pengkaji turut memberikan borang soal selidik kepada kenalan yang merupakan ibu tunggal dan mengedar borang soal selidik kepada kenalan yang mempunyai kenalan berstatus ibu tunggal untuk mengisi borang soal selidik tersebut. Dengan ketiga-tiga kaedah ini, pengkaji dapat mengumpulkan sejumlah 612 borang soal selidik yang telah lengkap diisi untuk dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Sekaligu telah menjadikan jumlah responden dalam kajian ini adalah seramai 612 orang ibu tunggal seperti mana dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kaedah Pengumpulan Data

Bil	Kaedah	Bilangan Responden
1	Survei (tinjauan)	282
2	Atas talian	240
3	Telefon	90
Jumlah		612

Hasil Kajian

Cabaran Kewangan Yang Dihadapi

Setelah bergelar ibu tunggal, banyak cabaran kewangan terpaksa dihadapi oleh mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan cabaran kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal telah menyebabkan mereka terus berada dalam kemiskinan. Dalam kajian ini menunjukkan cabaran utama dihadapi oleh ibu tunggal adalah tidak mampu untuk memiliki kenderaan ke tempat kerja, tidak mampu mengisi petrol bagi yang memiliki kenderaan dan tidak mampu membayar upah pengasuh anak yang masih kecil dengan bilangan kekerapan sebanyak 515 orang ibu tunggal (84.1%) bersetuju dengan cabaran kewangan yang dihadapi ini. Cabaran kedua tertinggi yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah tidak mampu membayar kos pengangkutan awam dan tidak mampu membayar balik hutang yang ditinggalkan oleh bekas suami dengan pengakuan seramai 498 orang ibu tunggal (81.3%) bersetuju dengan pernyataan ini. Cabaran kewangan ketiga tertinggi yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah tidak mampu membayar sewa rumah dengan bilangan kekerapan seramai 481 orang ibu tunggal (78.5%). Cabaran kewangan keempat tertinggi yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah tidak mampu membeli keperluan asas seperti makan, minum, dan pakaian anak-anak dan tidak mampu membeli barang keperluan asas anak seperti lampin dan susu dengan bilangan kekerapan seramai 478 orang ibu tunggal (78.1%). Cabaran kewangan kelima tertinggi adalah tidak mampu membayar kos perubatan anak-anak dan tidak mampu membeli keperluan harian untuk anak-anak dengan bilangan kekerapan seramai 476 orang ibu tunggal (77.7%). Cabaran kewangan keenam tertinggi yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah tidak mampu membayar yuran sekolah anak dengan bilangan kekerapan seramai 470 orang ibu tunggal (76.7%). Cabaran kewangan ketujuh tertinggi adalah tidak mampu membayar kos perubatan diri sendiri, tidak mampu membeli keperluan asas seperti makan, minum, dan pakaian untuk diri sendiri, tidak mampu membeli keperluan harian untuk diri sendiri, tidak mampu membeli keperluan awal persekolahan anak, dan tidak mampu membayar yuran pengajian anak di peringkat pengajian tinggi dengan bilangan kekerapan seramai 463 orang ibu tunggal (75.6%). Cabaran kewangan kelapan tertinggi adalah ibu tunggal tidak mampu membeli keperluan harian untuk isi rumah lain, tidak mampu membeli keperluan asas seperti makan, minum dan pakaian untuk isi rumah lain dan tidak mampu membayar bil utiliti (elektrik dan air) dengan bilangan kekerapan seramai 452 orang ibu tunggal (73.8%). Cabaran kewangan kesembilan tertinggi adalah ibu tunggal tidak mampu membayar pinjaman bank iaitu kenderaan dan rumah dengan bilangan seramai 448 orang ibu tunggal (73.2%). Cabaran terakhir yang dihadapi oleh sebilangan kecil ibu tunggal adalah tidak mampu membayar balik hutang sendiri seperti pinjaman PTPTN, barangan elektrik, dan sebagainya dengan bilangan seramai 267 orang (43.6%). Bacaan purata 76.09% membuktikan cabaran kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah pada tahap tinggi.

Jadual 2: Bilangan, Peratusan dan Purata Cabaran Kewangan Yang Dihadapi

Cabaran Kewangan Yang Dihadapi	f	(%)
Tidak mampu membayar kos perubatan diri saya sendiri.	463	75.6
Tidak mampu membeli keperluan asas seperti makan, minum, dan pakaian untuk diri sendiri.	463	75.6
Tidak mampu membeli keperluan harian untuk diri sendiri.	463	75.6
Tidak mampu membayar kos perubatan anak-anak.	476	77.7
Tidak mampu membeli keperluan harian untuk anak-anak.	476	77.7
Tidak mampu membeli keperluan asas seperti makan, minum, dan pakaian anak-anak.	478	78.1
Tidak mampu membeli barang keperluan asas anak seperti lampin dan susu.	478	78.1
Tidak mampu membeli keperluan awal persekolahan anak.	463	75.6
Tidak mampu membayar yuran sekolah anak.	470	76.7
Tidak mampu membayar yuran pengajian anak di peringkat pengajian tinggi.	463	75.6
Tidak mampu membeli keperluan harian untuk isi rumah lain.	452	73.8
Tidak mampu membeli keperluan asas seperti makan, minum dan pakaian untuk isi rumah lain.	452	73.8
Tidak mampu membayar sewa rumah.	481	78.5
Tidak mampu membayar bil utiliti (elektrik dan air).	452	73.8
Tidak mampu membayar pinjaman bank (kenderaan dan rumah).	448	73.2
Tidak mampu memiliki kenderaan untuk ke tempat kerja.	515	84.1
Tidak mampu mengisi petrol (bagi yang memiliki kenderaan).	515	84.1
Tidak mampu membayar kos pengangkutan awam.	498	81.3
Tidak mampu membayar upah pengasuh anak yang masih kecil.	515	84.1
Tidak mampu membayar balik hutang ditinggalkan bekas suami.	498	81.3
Tidak mampu membayar balik hutang sendiri (PTPTN, dll).	267	43.6
Purata		76.09

Punca Cabaran Kewangan Yang Dihadapi

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya cabaran kewangan tersebut. Faktor utama cabaran kewangan berlaku adalah ibu tunggal tidak mempunyai gaji atau pendapatan iaitu seramai 505 orang ibu tunggal (82.5%). Faktor kedua adalah ibu tunggal tidak mempunyai peluang pekerjaan dengan kekerapan seramai 498 orang ibu tunggal (81.4%). Faktor seterusnya yang menyebabkan berlakunya cabaran kewangan adalah tiada pendidikan atau tahap pendidikan yang rendah dengan kekerapan seramai 495 orang ibu tunggal (80.9%). Faktor berikutnya adalah kerana tiada simpanan seramai 487 orang ibu tunggal (79.5%). Faktor terakhir yang menyebabkan cabaran kewangan adalah kerana tiada bantuan daripada pihak kerajaan atau bukan kerajaan dengan kekerapan seramai 449 orang ibu tunggal (73.4%) bersetuju dengan pernyataan ini. Bacaan purata 79.54% membuktikan tahap ibu tunggal menghadapi punca yang menyebabkan berlakunya cabaran kewangan adalah tinggi.

Jadual 3: Bilangan, Peratusan dan Purata Faktor Yang Menyebabkan Cabaran Kewangan

Punca Cabaran Kewangan Yang Dihadapi	f	(%)
Tiada gaji / pendapatan.	505	82.5
Tiada simpanan.	487	79.5
Tiada bantuan kerajaan / pihak luar.	449	73.4
Tiada peluang pekerjaan.	498	81.4
Tiada pendidikan / tahap pendidikan rendah.	495	80.9
<i>Purata</i>		79.54

Perancangan Kewangan

Berdasarkan teori perancangan tingkah laku, disebabkan cabaran kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal, maka mereka telah memasang niat untuk berubah dan bertindak keluar daripada kemelut kemiskinan. Mereka mempunyai perancangan kewangan untuk kesejahteraan hidup mereka kelak. Daripada data kajian yang diperolehi, jumlah kekerapan ibu tunggal telah menetapkan matlamat kewangan yang lebih spesifik untuk kesejahteraan pada masa hadapan adalah paling tinggi iaitu seramai 469 orang (76.6%). Diikuti dengan perancangan kewangan ibu tunggal bersetuju untuk bekerja keras dan membuat pelaburan untuk masa hadapan dengan kekerapan seramai 459 orang ibu tunggal (75%). Ibu tunggal juga bersetuju untuk menyimpan wang untuk masa hadapan seramai 458 orang (74.8%). Yang paling sedikit adalah ibu tunggal bersetuju untuk mengelak daripada berhutang untuk perkara yang tidak penting dengan jumlah kekerapan seramai 452 orang (73.9%). Bacaan purata 75.06% menggambarkan tahap perancangan kewangan ibu tunggal berada pada tahap tinggi dan positif.

Jadual 4: Bilangan, Peratusan dan Purata Perancangan Kewangan

Perancangan Kewangan	f	(%)
Saya akan terus bekerja keras untuk meneruskan kehidupan.	459	75
Saya akan menyimpan wang selepas ini untuk masa depan.	458	74.8
Saya akan membuat pelaburan untuk masa depan.	459	75
Saya akan elakkan daripada berhutang untuk perkara yang tidak penting.	452	73.9
Saya akan menetapkan matlamat kewangan yang lebih spesifik untuk kesejahteraan pada masa hadapan.	469	76.6
<i>Purata</i>		75.06

Perbincangan dan Cadangan

Hasil kajian menunjukkan ibu tunggal positif ingin keluar dari kemiskinan dan berhasrat untuk mengubah dan meningkatkan taraf ekonomi mereka. Menurut perancangan kewangan, majoriti ibu tunggal akan menetapkan matlamat kewangan yang lebih spesifik untuk kesejahteraan pada masa hadapan. Diikuti dengan perancangan kewangan, ibu tunggal bersetuju bekerja keras dan membuat pelaburan untuk masa hadapan. Ibu tunggal juga bersetuju menyimpan wang untuk masa hadapan dan yang terakhir adalah ibu tunggal bersetuju untuk mengelak daripada berhutang perkara yang tidak penting. Dalam usaha perancangan meningkatkan kewangan, ibu tunggal terpaksa menambah masa kerja mereka untuk mengelakkan kemiskinan dan kesukaran hidup (Thielemans & Mortelmans 2019). Selain itu, ibu Tunggal terpaksa menggandakan pekerjaannya untuk tempoh masa yang singkat selepas perpisahan bagi menampung keperluan hidup mereka sekeluarga (Gert Thielemans et al. 2019). Kerja lebih masa menyebabkan ibu tunggal kurang masa untuk berehat dan bersama anak-anak (Azlina, 2020). Hasil kajian Siti

Marziah (2022) mendapati majoriti responden menjalankan perniagaan kecil-kecilan untuk menyara keluarga bagi meneruskan kehidupan. Ada juga yang bekerja sebagai operator kilang, agen jualan, kerani, guru tadika dan pembantu kedai.

Ibu tunggal bukan sahaja menyara dan menanggung anak mereka, tetapi turut menanggung ahli keluarga lain yang turut tinggal bersama dalam satu rumah iaitu mak ayah serta adik beradik yang lain. Keadaan ini secara tidak langsung telah membebankan ibu tunggal tersebut. Situasi ini menjelaskan bahawa, semakin besar bilangan tanggungan, semakin tinggi jumlah perbelanjaan yang diperlukan. Sangat sukar untuk seorang ibu tunggal yang hanya bekerja seorang dan perlu menyara seluruh ahli keluarga untuk membina kesenangan dan kekayaan. Hal ini sangat membebankan seorang ibu tunggal yang terpaksa menyara anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Selain itu, hasil kajian ini, ibu tunggal turut mengalami cabaran perancangan kewangan ekoran daripada wujudnya faktor cabaran kewangan seperti tiada gaji atau pendapatan, tiada simpanan, tiada bantuan kerajaan atau pihak luar, tiada peluang pekerjaan, dan taraf pendidikan rendah. Cabaran paling hebat yang sering dilalui oleh kebanyakan ibu tunggal adalah berpendapatan rendah dan tidak mempunyai simpanan.

Simpanan merupakan perkara penting yang harus dijadikan amalan oleh setiap orang sebagai bekalan ketika waktu kecemasan kelak kerana kita tidak boleh menjangkakan bila musibah akan terjadi. Walaupun berpendapatan rendah, ibu tunggal masih boleh menyimpan dengan berjimat cermat iaitu membeli barang keperluan sahaja bukan kehendak. Hal ini kerana sekiranya mereka tidak menyimpan, masalah kewangan bertambah kronik kerana mereka tidak mempunyai sebarang bentuk simpanan (Siti Marziah et al. 2018). Dengan adanya simpanan, sedikit sebanyak ibu tunggal boleh memulakan kehidupan baru dengan memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Pelbagai bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan seperti Bantuan Awal Persekolahan 2023, Bantuan Tunai Rakyat 2023, Bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2023 (yang akan dilaksanakan untuk tempoh 6 bulan), Skim Bantuan JKM dan lain-lain hanya dapat membantu memenuhi sebahagian daripada keperluan mereka. Cadangan seperti menyediakan kursus kursus kemahiran untuk 'survival', Skim Perumahan Khas B40, kemudahan asas perlindungan insurans perubatan, menyediakan projek-projek berskala kecil yang sesuai dilakukan oleh golongan ibu tunggal ini atau memberikan modal perniagaan seperti yang dilakukan oleh Pusat Zakat (Pusat Zakat Pulau Pinang). Tidak disangkal, kemiskinan dan cabaran ekonomi sangat memberi kesan kepada emosi ibu tunggal dan dikhuatiri akan semakin serius sehingga menghadapi masalah 'anxiety' dan kemurungan yang tidak terkawal.

Kesimpulan

Tanggungjawab yang digalas oleh seorang ibu tunggal bukan mudah. Mereka memainkan pelbagai watak dalam satu masa. Mereka menguruskan diri mereka sendiri, anak-anak, dan ahli keluarga lain secara sendirian. Tidak cukup dengan itu, mereka mengambil alih tugas keluar rumah untuk mencari rezeki bagi meneruskan keperluan hidup mereka dan keluarga. Tugas ibu tunggal sangat mencabar apabila melibatkan cabaran kewangan diluar kemampuan mereka. Oleh itu, diharapkan kepada pihak yang terlibat tidak kira sama pihak kerajaan, NGO, badan persendirian, masyarakat kejiranan, dan ahli keluarga sama-sama memberi sokongan moral dalam konteks intervensi kerja sosia kepada ibu tunggal supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka sekeluarga dengan lebih sejahtera, bersemangat, dan berdaya saing. Daripada hasil kajian yang diperoleh, telah mencapai objektif kajian iaitu dapat mengenal pasti

cabaran serta punca cabaran kewangan tersebut berlaku dalam kalangan ibu tunggal. Selain itu, hasil kajian juga telah mencapai objektif kajian untuk mengenal pasti persediaan ibu tunggal dalam perancangan kewangan bagi mencapai kesejahteraan hidup. Kajian ini dapat memberi maklumat kepada ahli keluarga, masyarakat, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) mengenai cabaran dan kesusahan hidup yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal. Dengan ini sekaligus dapat membantu pihak terbabit untuk menyediakan dan menyalurkan bantuan selayaknya kepada golongan ini. Selepas kajian dijalankan ke atas ibu tunggal di Terengganu, diharapkan akan ada lanjutan kajian oleh pengkaji akan datang untuk membuat kajian terhadap cabaran kewangan yang dihadapi oleh golongan bapa tunggal di negeri semenanjung Malaysia untuk melihat jenis cabaran yang berlaku dalam golongan bapa tunggal.

Penghargaan

Penghargaan ini ditujukan kepada pihak Muszleem selaku badan bukan kerajaan (NGO) kerana telah memberi keizinan untuk saya menjalankan kajian di bawah pengurusannya serta memberi ruang dan peluang kepada saya untuk merasai suasana pengagihan kotak infak kepada golongan asnaf, fakir dan ibu tunggal. Daripada pengalaman ini saya dapat menyelami kesusahan sebenar yang dialami oleh golongan ibu tunggal melalui temu bual yang berlaku secara tidak formal. Selain itu, penghargaan ini juga buat Prof. Dr. Lukman selaku penyelia saya yang telah banyak membimbing dan berkongsi idea sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin yang telah melakukan semakan untuk ujian kesahan soal selidik. Tidak ketinggalan, rakan penulisan artikel ini iaitu Dr. Azlini. Yang terakhir, terima kasih diucapkan kepada pihak penerbit, Advanced International Journal Of Business, Entrepreneurship And Sme's (AIJBES) kerana telah menerbitkan artikel saya ini.

Rujukan

- Adnan, A. F. (2022, Mei 8). *Muda gesa perkenal skim bantuan ibu tunggal*. Utusan Malaysia.
- Ahmad, N. A., & Ibrahim, N. (2022). Isu marginalisasi dan program peningkatan kesejahteraan ibu tunggal.
- Ahmad, N. A., & Ibrahim, N. (2022). Domestic Violence: Awareness and Level of Knowledge among University Students: Keganasan Rumahtangga: Kepekaan Dan Tahap Pengetahuan Mahasiswa. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 8(1), 53-66.
- Al Mamun, A., & Adaikalam, J. (2011). Examining the level of unsatisfied basic needs among low-income women in peninsular Malaysia. *International Research Journal of Finance and Economics*, (74), 89-96.
- Broussard, C. A. (2010). Research regarding low-income single mothers' mental and physical health: A decade in review. *Journal of Poverty*, 14(4), 443-451.
- Cairney, J., & Wade, T. J. (2002). Single parent mothers and mental health care service use. *Social psychiatry and psychiatric epidemiology*, 37, 236-242.
- Crosier, T., Butterworth, P., & Rodgers, B. (2007). Mental health problems among single and partnered mothers: The role of financial hardship and social support. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*. 42, 6-13.
- Hashim, I. H. M., Azmawati, A. A., & Endut, N. (2015). Stress, roles and responsibilities of single mothers in Malaysia. In *SHS Web of Conferences* (Vol. 18, p. 03003). EDP Sciences.
- Hilton, J. M., & Kopera-Frye, K. (2006). Loss and depression in cohabiting and noncohabiting custodial single parents. *The Family Journal*, 14(1), 28-40.
- Husin, A. (2005). Cabaran Ibu Tunggal dalam Institusi Keluarga yang Berubah. In A. Omar, R. & Pandian, S (Eds) *Isu-isu Sosial Semasa* (160-169). Institut Sosial Malaysia.

- Ibrahim, F. A., & Ghani, F. A. (2018). Pengaruh ketahanan ibu tunggal terhadap kesejahteraan psikologikal ibu tunggal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(17), 25-37.
- Idris, N.H.I. (2018). *Pemeriksaan ekonomi ibu tunggal* (1st Ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isahak, D., Selvaratnam, D. P., & Idris, N. A. H. (2009). Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. *Prosiding Perkem Iv*, 1, 324-336.
- Jusoh, M. N., & Latada, F. (2020). The challenges faced by single mothers in Malaysia during the Covid-19 pandemic. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 80-87.
- Kim, G. E., & Kim, E. J. (2020). Factors affecting the quality of life of single mothers compared to married mothers. *BMC Psychiatry*, 20, 169-179.
- MALINGA, T., & NTSHWARANG, P. N. (2022). Child disciplinary practices—Experiences of low-income women in Botswana. *African Journal of Social Work*, 12(6).
- Mohamad Fazli Sabri. (2020). *Realiti & Cabaran Ketua Isi Rumah Ibu Tunggal Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Awang Idris. (2018). *Metodologi penyelidikan sains sosial*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Aini, H. I., & Selvaratnam, D. P. (2012). Poverty Alleviation Programme Among Single Mothers: An Analysis of Participation and Effectiveness. In *National Conference on Economic VII (Perkem VII)* (Vol. 1, pp. 248-259).
- Noor, M. M. (2011). Determining critical success factors of mobile banking adoption in Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(9), 252-265.
- Rousou, E., Kouta, C., Middleton, N., & Karanikola, M. (2013). Single mothers' self-assessment of health: A systematic exploration of the literature. *International Nursing Review*, 60(4), 425-434.
- Sharifah Shahida Binti Syed Muhsin. (2017). *Penglibatan Remaja Melayu Dalam Jenayah: Kajian Kes Penghuni Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu*. Sarjana Sains Sosial. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Simmons, L. A., Dolan, E. M., & Braun, B. (2007). Rhetoric and reality of economic self-sufficiency among rural, low-income mothers: A longitudinal study. *Journal of Family and Economic Issues*, 28(3), 489-505.
- Sing, I. C. S., & Yusof, M. M. (2024). CABARAN HIDUP GOLONGAN IBU TUNGGAL DI DAERAH KUCHING, SARAWAK: SATU KAJIAN KES DI PERSATUAN KELUARGA IBU TUNGGAL. *Asian People Journal (APJ)*, 7(1), 60-74.
- Siti Marziah Zakaria dan Noremy Md Akhir. (2018). *Kesejahteraan Psikologi Ibu Tunggal: Cabaran Sebagai Ibu Tunggal Dan Tekanan Hidup*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018.
- Siti Marziah Zakaria, Nurul Shafini Shafurdin, Noremy Md. Akhir, Suzana Mohd Hoesni, dan Jamiah Manap. (2019). *Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi*. Internatiol Journal Of Education Psychology and Counseling. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Bangi, Selangor.
- Siti Rafiah Abd Hamid & Sakinah Salleh. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: issues and coping strategies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 84(1), 1154-1159.
- Thielemans, G., & Mortelmans, D. (2019). Female labour force participation after divorce: How employment histories matter. *Journal of family and economic issues*, 40, 180-193.
- Yusoff, S. R. M. (2016). *Peranan Sikap, Pengetahuan dan Amalan Kewangan terhadap Pemeriksaan Ekonomi Ibu Tunggal* (Doctoral dissertation, Tesis Master yang tidak diterbitkan. Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia).

- Zaimah, R., Sarmila, M. S., Azima, A. M., Saad, S., Lyndon, N., Hussain, M. Y., & Selvadurai, S. (2012). Tingkah laku kewangan guru di Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia (Financial behaviour of teachers in Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia). *Geografia*, 8(6).
- Zaini, S. (2014). Hubungan Spiritualiti, Religiositi, Sokongan Sosial ke atas Kesihatan Mental dalam kalangan Ibu Tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Unpublished PhD Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bang.*
- Zakaria, S.M., Akhir, N.M., & Omar, F.I. (2018). Kesejahteraan psikologi ibu tunggal: Cabaran sebagai ibu tunggal dan tekanan hidup. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*, 579-589.
- Zakaria, S. M., Abdullah, N., Md. Akhir, N., Amin, A. S., Mohd Shukry, A. N. A., Abdul Rashid, M. R., & Wan Yusof, W. N. (2022). Perceptions of quality of life during the pandemic: a case study on B40 single mothers. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(19), 12219.
- Zakaria Mohamad, Jasmi Abu Talib and Mazidah Mohd. Dagang, (2020) Effects of Visual Art Therapy on Cognitive Emotion Regulation and Anxiety of Single Mothers. *International Journal of Management*, 11 (6), pp. 891-904.
- Zakaria, S. M., Shafurdin, N. S., Akhir, N. M., Hoesni, S. M., & Manap, J. (2019). Cabaran hidup ibu tunggal: Kesan terhadap kesejahteraan emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69-84.